



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DARI
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH (YADIM)
KEPADA KAKITANGAN MBSP

TARIKH / MASA / TEMPAT
28 JULAI 2020 (SELASA)
4.30 PETANG

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA MBSP
BANDAR BERDA
BUKIT MERTA JAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Afifi Bin Hj Ruslan
Penolong Pengarah
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Pulau Pinang

Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-pegawai YADIM

Kakitangan-Kakitangan dan Wira Oren
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Dari Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di bawah “Program YADIM Peduli” anjuran bersama YADIM dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada Yang Berusaha Encik Mohd Afifi Bin Haji Ruslan dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia di atas kesudian pihak YADIM memilih Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk pemberian bantuan atau sumbangan berupa barangan asasi kepada 100 orang pekerja pembersihan MBSP di bawah “Program YADIM Peduli”. Ini merupakan salah satu inisiatif YADIM Negeri Pulau Pinang dalam membantu golongan asnaf dan dalam hal ini membantu pekerja-pekerja di bawah kategori B40. Terima kasih juga kepada pihak YADIM kerana menganjurkan Sesi Bicara Dakwah yang telah berjalan dengan lancarnya sebentar tadi.

MBSP berasa amat gembira atas sumbangan yang diberikan ini pada waktu-waktu yang memerlukan buat masa ini. Terima kasih di atas keprihatinan pihak YADIM terhadap pekerja-pekerja MBSP yang amat memerlukan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kakitangan-kakitangan adalah merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan MBSP. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi akan menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

Dalam kesiapsiagaan modal insan ke tahap berdaya maju, MBSP telah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM1.35juta telah diperuntukkan bagi

perbelanjaan untuk menghadiri kursus, seminar dan peperiksaan serta lawatan sambil belajar di dalam dan luar negara untuk menjadikan modal insan MBSP lebih berketrampilan dan berpengetahuan luas.

MBSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan Klinik Panel disediakan kepada kakitangan MBSP dengan had kelayakan tahunan sebanyak RM1,000.00 setahun bagi kakitangan berkeluarga, manakala bagi kakitangan yang belum berkeluarga had kelayakan adalah RM400.00 setahun. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MBSP, had kelayakan tahunan adalah RM1,400.00 setahun. Kemudahan rawatan adalah termasuk rawatan pergigian, pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak. Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua kakitangan agar mengamalkan gaya hidup sihat agar perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai dapat diberi dengan lebih cemerlang.

Saya menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MBSP tidak kira peringkat jawatan. Pembaharuan yang dibuat dari semasa ke semasa dalam pentadbiran dan kebajikan pekerja merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MBSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan kepada perubahan bagi membolehkan kita mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa *stakeholders* termasuk memastikan visi dan misi MBSP jelas. Ini penting bagi kita membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisien.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas juga kepada semua pasukan penguatkuasaan, Polis Bantuan MBSP, Wira Oren MBSP, Jabatan Kesihatan MBSP, Pengurusan Krisis, Jabatan Pelesenan MBSP dan jabatan-jabatan lain yang membantu serta turun padang bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pasukan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dalam Operasi Lawan COVID-19 baru-baru ini. Mereka merupakan *front liner* yang sanggup berkorban siang dan malam untuk Seberang Perai. Saya hargai usaha kalian dan syabas saya ucapkan.

Penghargaan tidak terhingga juga saya ucapkan kerana telah menjalankan amanah Negara dengan sebaiknya di saat berlakunya ancaman wabak COVID-19 ini. Kerjasama padu di antara kita dan jabatan-jabatan kerajaan telah berjaya mengekang penularan Covid 19 ini sehingga Seberang Perai mencapai tahap pematuhan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 52% pada hari pertama 18 Mac 2020 kepada 99.28% pada 5 Julai 2020. Ini adalah hadiah rakyat atas usaha gigih kita bersama sepanjang tempoh ini. Pengorbanan kalian semua membolehkan rakyat menjalani kehidupan yang lebih selesa dan normal tidak lama lagi. Saya hargai usaha kalian dan syabas saya ucapkan.

Saya ingin menegaskan bahawa Seberang Perai dan Malaysia amnya tidak mampu untuk diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya sekali lagi. Industri akan lumpuh, peniaga jalanan tiada pendapatan, perniagaan terpaksa ditutup. Situasi ini akan menyebabkan suasana sosial ekonomi menjadi lebih parah. Justeru, saya menyeru penduduk Seberang Perai agar kekal mematuhi SOP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Akhir kata, saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada YADIM di atas sumbangan berupa barangan asasi kepada 100 orang pekerja pembersihan MBSP. MBSP berasa amat menghargai dan gembira atas sumbangan yang diberikan ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan bagi memberi manfaat kepada yang memerlukan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.